

# NATRIUM BIKARBONAT



MINISTRY OF HEALTH  
SINGAPORE



## MENGENAL ubat anda

Natrium bikarbonat boleh digunakan untuk melegakan ketidakselesaan semasa membuang air kencing dalam jangkitan-jangkitan saluran air kencing yang ringan. Ubat ini juga boleh digunakan untuk melegakan kepedihan hulu hati atau masalah penghadaman asid dengan meneutralkan asid perut yang berlebihan. Bagi sesetengah penyakit, natrium bikarbonat digunakan untuk menjadikan darah dan air kencing lebih beralkali.

## BAGAIMANAKAH saya mengambil ubat ini?

Doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu berdasarkan keadaan anda. Ambil ubat ini mengikut dos yang dipreskripsikan oleh doktor anda.

## Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa.

*Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak  
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi*

## Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin berlaku untuk ubat ini?

Periksa dengan doktor secepat mungkin jika sebarang kesan sampingan berikut berlaku:

- desakan kerap untuk membuang air kencing
- sakit kepala (berlarutan)
- hilang selera makan (berlarutan)
- mual atau muntah
- pernafasan yang lambat
- bengkak di bahagian kaki atau bahagian bawah kaki
- rasa tidak menyenangkan di mulut
- keletihan atau kelemahan yang luar biasa

## Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Beritahu doktor anda jika anda diarahkan untuk mengambil makanan dengan kandungan natrium terhad.

Jangan ambil ubat ini dengan jumlah besar susu atau produk-produk tenusu kerana ini akan meningkatkan peluang menghadapi kesan-kesan sampingan.

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat-ubat lain, sediaan-sediaan jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.

Anda mesti beritahu doktor anda jika anda mengalami alahan terhadap ubat-ubat lain atau jika alahan berlaku semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: bengkak muka/mata/bibir mulut, kesukaran bernafas atau kegatalan ruam kulit yang merebak.

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusui anak, sedang hamil atau mungkin akan hamil semasa khusus rawatan.

## Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat?

Simpan ubat di tempat yang kering pada suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan simpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan berbuat demikian.